



A large pile of gold bars and coins is arranged in a pyramid shape, resting on a surface covered with Malaysian ringgit banknotes. The word "CONTOH" is overlaid diagonally across the gold bars.

# کلوساري معاملات

## GLOSARI MUAMALAT

جاپانی لاجوانس اسلامیسا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



كلوسياري معاملات

# GLOSARI MUAMALAT

جابتنيكماجوان اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Diterbitkan oleh

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

[www.Islam.gov.my](http://www.Islam.gov.my)

Cetakan Pertama 2009

Hak Cipta Terpelihara

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Perpustakaan Negara  
Malaysia

ISBN 978-983-042-438-5

Data Pengkatalogan-  
dalam-Penerbitan

***Reka bentuk oleh:***

Lakhauf Management Services  
SH 31, Jalan 7, Taman Greenwod  
68100 Batu Caves, Selangor  
Telefaks : 03-6189 6246  
Email : [lakhaufmanagement@yahoo.com](mailto:lakhaufmanagement@yahoo.com)

***Dicetak oleh:***

QA Printers Sdn Bhd (765862-W)  
No 21, Jalan Kampung Pasir Baru,  
Off Jalan Klang Lama  
58200 Kuala Lumpur

## **ISI KANDUNGAN**

Kata Aluan	i
Ketua Pengarah JAKIM .....	
Kata Aluan	ii
Ketua Editor .....	
Pengenalan .....	iii
Glosari Muamalat .....	1-79

## SIDANG EDITOR

### **Penasihat**

Dato' Haji Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz  
Ketua Pengarah JAKIM

### **Ketua Editor**

Haji Razali Shahabudin  
Pengarah Penyelidikan, JAKIM

### **Timbalan Ketua Editor**

Haji Munir Hj. Md. Salleh

### **Editor**

Fatimah Saad. Halim Ahmad  
Abdullah Abdul Rahman . Mohd Zamir Bahall  
Che Alias Che Ismail . Norhalina Othman . Ahmad Zaki Md Ali  
Abdul Muhammin Mahmood . Rashidah Che Wil .  
Shahnaz Sulaiman . Saiful Nizam Che Wani .  
Razi Dato'Hassan . Taqwa Zabidi . Kamarulzaman Mustaffa  
Khairul Anuar Khalid . Shahril Azwan Hussin  
Hisral Zirhan Md.Zahari . Mohamad Zarifi Mohamad Daud  
Mohamad Kamil Abu Talib . Zaharin Ismail

### **Penyusun**

Norhalina Othman . Abdul Muhammin Mahmood

### **Sekretariat**

Zainur Akmar Abdul Adi . Abdul Halim Jurami  
Sofiah Noor Yahya . Selamah Mat Saman . Norazlina Osman.  
Maznah Md. Nor . Norashikin Mohd. Kassim

### **Pakar Rujuk**

Dr. Haji Razak Dali  
Ustaz Azizi Che Seman  
Hajah Sharifah Shipak Tan Sri Datuk Syed Hassan Aidid

### Ketua Pengarah JAKIM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufiq dan inayahNya istilah muamalat dapat dibukukan dalam terbitan "Glosari Muamalat". Inisiatif JAKIM menerbitkan glosari ini merupakan satu komitmen jabatan dalam membantu menjayakan Malaysia sebagai hab kewangan Islam dunia.

Ledakan industri kewangan Islam telah membuka pemikiran masyarakat Islam di seluruh dunia. Umat Islam hari ini mula peka serta sensitif terhadap aktiviti-aktiviti sehari-hari mereka sama ada aktiviti-aktiviti tersebut bertepatan dengan prinsip-prinsip syariah atau sebaliknya. Kepesatan pembangunan industri kewangan Islam yang meliputi sektor perbankan, takaful, pasaran modal, arrahm, pengurusan harta amanah dan sebagainya menyemarakkan lagi anjakan pemikiran umat Islam untuk mula beralih kepada instrumen kewangan Islam yang kini mula mendapat tempat dihati mereka. Perkembangan ini telah menimbulkan banyak persoalan dan kemusykilan di kalangan masyarakat negara ini berkaitan dengan istilah serta transaksi dan instrumen-instrumen kewangan yang berada di pasaran.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebuah agensi pusat yang menguruskan pembangunan Hal Ehwal Islam di negara ini melalui sekretariat di Bahagian Penyelidikan telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan Glosari Muamalat ini. Penerbitan glosari ini adalah menepati hasrat dan keperluan semasa umat Islam negara ini untuk memartabatkan sistem kewangan Islam.

Semoga penerbitan glosari ini dapat memberi garis panduan kepada masyarakat seluruhnya dalam memahami istilah dan perkataan yang diguna pakai dalam aktiviti muamalat dan ekonomi Islam .

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan penerbitan buku ini. Semoga penerbitan buku ini memberi manfaat untuk masyarakat seluruhnya.

Sekian. Terima Kasih.

**DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

### Ketua Editor

Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadrat Allah SWT kerana berkat dan kurnianya Glosari Muamalat berjaya diterbitkan. Penerbitkan Glosari Muamalat adalah sebahagian daripada sumbangan Bahagian Penyelidikan iaitu selaras dengan objektif JAKIM dalam menyebarkan ilmu kepada masyarakat.

Perkembangan sistem muamalat kini adalah amat kompleks dengan pelbagai istilah yang dicampur dari bahasa Arab dan Inggeris. Memahami glosari dan istilahnya adalah langkah awal yang perlu dilakukan dalam memahami kewangan Islam. Pertanyaan dari masyarakat berkaitan isu-isu dan istilah muamalah memerlukan sebuah buku yang dapat memberi panduan umum, khususnya kepada pegawai-pegawai agama dan orang awam.

Penyusunan glosari ini merupakan satu usaha yang rumit. Idea untuk membina mini kamus ini bermula pada Disember 2008. Melalui siri bengkel dan perbincangan yang diadakan sepanjang tahun 2009, maka buku ini berjaya disusun. Selain itu, isi kandungan juga dikutip melalui Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, rujukan badan berautoriti seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Objektif penerbitan glosari ini ialah;

- a. mengenal pasti istilah muamalat yang digunakan dalam sistem kewangan perbankan dan pasaran modal.
- b. memudahkan pengertian istilah tersebut supaya ia menjadi sesuatu yang tidak asing dan difahami bagi penggunaannya di tengah-tengah masyarakat; dan
- c. menyediakan sumber rujukan kepada industri dan institusi kerajaan berkaitan isu-isu muamalat dan ekonomi Islam.

Setinggi penghargaan diatas sumbangan yang diberikan dalam menghasilkan glosari dan semoga Allah SWT membalas kebaikan yang dilakukan. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang sama-sama berusaha sehingga membolehkan hasrat penerbitan buku ini menjadi realiti.

**Ketua Editor  
2009**

## Pengenalan

Syukur Alhamdulillah diucapkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya glosari yang serba sederhana ini dapat sampai ke tangan pengguna. Semoga glosari ini dapat membantu mereka yang kurang pengetahuan berhubung dengan istilah-istilah yang digunakan dalam sistem kewangan, perbankan, dan muamalat Islam tetapi berhasrat untuk mempelajari dan memahaminya. Bagi memudahkan pengguna menggunakan glosari ini, beberapa petunjuk berikut boleh diikuti:

## Penggunaan Bahasa

- Maksud istilah-istilah dalam buku ini dijelaskan dalam bentuk penggunaan perkataaan dan laras bahasa yang ringkas dan mudah.
- Sebahagian besar istilah yang digunakan dalam glosari ini diambil dari istilah-istilah bahasa arab. Untuk memudahkan pemahaman pembaca, setiap istilah tersebut ditulis dengan ejaan rumi. Selain itu, tulisan dalam bahasa arab juga turut dimasukkan bagi perkataan yang berkaitan. Sebagai contoh perkataan ‘mudharabah’, ia akan ditulis dalam ejaan rumi dan kemudian diikuti dalam ejaan arab ‘مضاربة’.

## Susun Atur

- Cara susun atur istilah dalam buku ini telah dibuat mengikut kategori huruf ‘A’ hingga ‘Z’ berdasarkan huruf pertama bagi sesuatu perkataan. Sebagai contoh, bagi yang ingin mendapatkan istilah ‘kontrak’ maka ia hendaklah merujuk kepada istilah dalam kategori ‘K’.
- Pencarian bagi setiap istilah bahasa arab perlu merujuk kepada huruf permulaan bagi makna yang ditulis dalam bahasa Melayu. Contoh istilah arab ‘مضاربة’ hendaklah merujuk kepada kategori huruf ‘M’.

## Penggunaan Tanda

- Simbol → digunakan bagi menunjukkan istilah tersebut perlu dirujuk kepada perkataan yang berkaitan. Sebagai contoh: kontrak → ‘aqd, yang membawa maksud istilah kontrak perlu dirujuk kepada perkataan ‘aqd.
- Setiap tulisan huruf condong (*italik*) ia menunjukkan perkataan tersebut adalah bukan dari bahasa Melayu.

Semoga dengan penjelasan yang ringkas ini ia akan dapat membantu pengguna memanfaatkan buku ini. Mudah-mudahan usaha yang murni ini dapat memberikan manfaat buat kita semua di dunia dan akhirat.

A

**Ada'**  
اداء

Melaksana.

**Ada' al-Dayn**  
اداء الدين

Melunaskan hutang.

**Ahkam al-Mal**  
أحكام المال

Hukum-hukum berkaitan harta.

**Ahl al-kitab**  
أهل الكتاب

Golongan yang berpegang kepada kitab *Taurat* dan *Injil*.

**Ahliyyah al-Ada'**  
أهلية الأداء

Kelayakan atau kapasiti melaksanakan akad atau kontrak.

**Ahliyyah al-Ada'  
al-Kamilah**  
أهلية الأداء الكاملة

Kelayakan melaksanakan akad atau kontrak dengan sempurna.

**Ahliyyah al-Ada'  
al-Naqisah**  
أهلية الأداء الناقصة

Kelayakan melaksanakan akad atau kontrak tetapi tidak sempurna.

**Ahliyyah  
al-Wujub**  
أهلية الوجوب

Kelayakan menerima hak dan tanggungan.

<b>Ahliyyah al-Wujub al-Kamilah</b> أهلية الوجوب الكاملة	Kelayakan menerima hak dan tanggungan dengan sempurna.
<b>Ahliyyah al-wujub al-Naqisah</b> أهلية الوجوب الناقصة	Kelayakan menerima hak dan tanggungan tetapi tidak sempurna.
<b>Amanah</b> أمانة	Jujur, setia dan boleh dipercayai.
<b>Amin al-Sunduq</b> أمين الصندوق	Pemegang amanah atau dana amanah.
<b>Amwal</b> أموال	Harta benda atau sesuatu yang berharga yang dapat dimiliki dan boleh diambil manfaat daripadanya.
<b>Amwal al- ‘Ammah</b> أموال العامة	Harta Awam.
<b>Aset</b>	Wang tunai dan harta benda seperti tanah, bangunan dan lain-lain yang dimiliki seseorang, syarikat atau pertubuhan dan lain-lain.

**Ashab al-Furud**  
 أصحاب الفروض

Waris-waris yang telah ditetapkan bahagian mereka dalam pembahagian harta pusaka menurut al-Quran, *al-Sunnah* dan *Ijmak*.

**Ashum ‘Adiyah**  
الأسهم العاديّة

Saham biasa iaitu saham tanpa hak istimewa.

**Aswaq**  
**Kharijyyah /**  
**Aswaq al-Sarf**  
**al-Kharij**  
أسواق خارجية /  
أسواق الصرف الخارج

Pasaran penjualan mata wang asing.

**Awraq Maliyyah**  
أوراق مالية

Sijil saham.

**Azmah**  
**Iqtisadiyyah**  
أزمة الإقتصادية

Krisis ekonomi.

# 'A

**Amil**  
عامل

Pengurus atau pekerja yang memungut zakat

**'Aqd**  
عقد

Kontrak. Pertalian *ijab* dan *qabul* dalam suatu perjanjian. Keterikatan *ijab* dan *qabul* yang menghasilkan kesan/implikasi pada subjeknya.

**'Aqd Fasid**  
عقد الفاسد

Kontrak yang terdapat kecacatan pada syaratnya.<sup>1</sup>

**'Aqd Ghayru Sahih**  
/ 'Aqd al-batil  
عقد غير صحيح  
عقد الباطل

Kontrak yang tidak sah dan tidak memenuhi rukun dan syarat-syaratnya.

**'Aqd al-Sahih**  
عقد الصحيح

Kontrak yang sah, memenuhi rukun dan syarat-syarat yang menepati prinsip syariah.

**'Aqar**  
عقار

Harta tak alih. Sesuatu harta yang tidak boleh dipindahkan ke tempat lain seperti bangunan, rumah dan tanah.<sup>2</sup>

**'Aqd al-Tawthiqi**  
عقد التوثيقى

Kontrak jaminan. Akad secara bertulis oleh dua pihak berakad sebagai bukti urusan akad. Contohnya akad hutang yang dilakukan secara bertulis untuk menjamin pembiutang supaya mendapat bayaran balik hutang yang diberi kepada penghutang. Hampir keseluruhan akad semasa dibuat secara bertulis seperti akad kafalah, hiwalah dan gadaian.

**'Asabah**  
عصبة

Waris lelaki yang berhak ke atas baki dari harta pusaka. Kedudukan mereka dalam Undang-undang Islam adalah selepas waris '*ashab al-furudh*.

**'Asabah bi  
al-Nafs**  
عصبة بالنفس

'Asabah dengan dirinya sendiri. Waris-waris yang termasuk di dalam kategori ini ialah semuanya terdiri daripada lelaki yang tidak diselangi oleh perempuan. Mereka terdiri daripada 12 orang iaitu anak lelaki, anak lelaki kepada anak lelaki (cucu) dan seterusnya ke bawah, bapa, bapa kepada bapa (datuk) dan seterusnya ke atas, saudara lelaki seibu sebapa,

saudara lelaki sebapa, anak lelaki kepada saudara lelaki seibu sebapa, anak lelaki kepada saudara lelaki sebapa, bapa saudara (sebelah bapa) seibu sebapa, bapa saudara (sebelah bapa) seibu sebapa, bapa saudara (sebelah bapa) sebapa, anak lelaki kepada bapa saudara (sebelah bapa) seibu sebapa dan anak lelaki kepada bapa saudara (sebelah bapa) sebapa.

### **'Asabah bi al-ghayr عصبة بالغير**

'Asabah oleh orang lain. Waris-waris 'asabah ini semuanya terdiri daripada waris 'ashab al-furudh perempuan yang telah ditetapkan fardhunya. Mereka akan menerima 'asabah ketika mewarisi harta bersama-sama dengan waris-waris lelaki ('asabah bi al-nafs) yang sedarjat atau setaraf dengan mereka.

**'Asabah ma'a  
al-ghayr**  
عصبة مع الغير

'Asabah bersama dengan yang lain. Ia bermaksud waris perempuan yang menerima 'asabah dengan sebab berkumpul bersama-sama dengan waris perempuan yang lain. Waris-waris yang terlibat dalam bentuk 'asabah ini hanya dua orang iaitu saudara perempuan seibu seba'p dan saudara perempuan seba'p. Mereka akan menerima 'asabah apabila mewarisi bersama-sama dengan anak perempuan (seorang atau lebih) atau anak perempuan kepada anak lelaki seorang atau lebih) atau bersama dengan kedua-duanya sekali.

**'Asabah  
Nasabiyyah**  
عصبة نسبية

Harta yang diwarisi melalui keturunan atau waris si mati. 'Asabah Nasabiyyah terbahagi kepada tiga bahagian: i) 'asabah bi al-nafs. ii) 'asabah bil al-ghair. iii) 'asabah ma'a al-ghair

**'Asabah  
Sababiyyah**  
عصبة سببية

Harta yang diwarisi dengan cara memerdekaan hamba; seperti pemilik hamba akan mewarisi harta si mati (hamba yang telah dimerdekaannya) sekiranya si mati tidak mempunyai waris

'Awl  
عول

Pertambahan pada saham-saham waris fardhu dan berlaku pengurangan pada kadar habuan mereka dalam pusaka mengikut nisbah pertambahan itu. Dengan kata lain, berlakunya pertambahan atau peningkatan jumlah saham yang diterima oleh waris dan berkurangnya nilai harta sebenar.

**'Aqd al-Mudaf**  
**عقد المضاف**

Kontrak masa depan.

**'Aqd al-Munjiz**  
**عقد المنجز**

Kontrak yang berkuatkuasa segera.

**'Aqd al-Musamma**  
**عقد المسمى**

Kontrak yang bernama.

**'Aqd al-Ta'ati**  
**عقد التعاطي**

Kontrak tunjuk terima seperti pembeli mengambil barang dan membayar harganya kepada penjual atau penjual menyerahkan barang kemudian pembeli membayarnya tanpa ada isyarat dan ungkapan.  
→ *Bay' al-Mu'atah*.

<b>‘Aqd al-Tawarruq</b> عقد التورق	Kontrak <i>tawarruq</i> . <sup>3</sup> → <i>Tawarruq</i> .
<b>‘Aqd al-Tamlik</b> عقد التملك	Kontrak pemilikan.
<b>‘Aqid</b> عاق	Pihak yang berakad dalam urusniaga sama ada pihak berakad asal atau wakil.
<b>‘Ard</b> عروض	Barang.
<b>‘Ariyah</b> عارية	Pinjaman.
<b>‘Award</b> <b>al-Ahliyyah</b> عارض الأهلية	Halangan kelayakan.
<b>‘Awardid</b> <b>Muktasabah</b> عارض مكتسبة	Halangan yang mendatang seperti jahil, mabuk dan bodoh atau dungu dan seumpamanya.
<b>‘Awardidh</b> <b>Samawiyyah</b> عارض سماوية	Halangan yang ditetapkan Allah seperti gila, lupa, sakit, mati dan sebagainya.

**B**

**Bay'**  
بيع

Kontrak jual beli; pertukaran harta dengan harta dengan syarat-syarat tertentu.

**Baitulmal**  
بیت المال

Institusi yang menerima dan mengurus kewangan dari pelbagai sumber harta secara terkumpul oleh negara Islam seperti zakat, harta wakaf, cukai dan lain-lain untuk kepentingan umat.

**Bay' al-Wafa'**  
بيع الوفاء

Jual beli yang meletak syarat bahawa apabila penjual membayar semula harga barang yang dijual maka pembeli akan mengembalikan semula barang yang dijual kepada penjual. Kontrak dibuat di mana seseorang menjual suatu barang pada pembeli dengan persetujuan bersama di mana pembeli akan menjualkan kembali barang tersebut kepada penjual dengan harga yang dipersetujui. Dalam masyarakat Melayu kontrak ini dikenali sebagai jual janji.

**Bay' al-'Inah**  
بيع العينة

Jual beli yang berlaku antara penjual dan pembeli. Penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga tangguh lebih tinggi, kemudian penjual membeli semula aset tersebut daripada pembeli dengan harga tunai yang lebih rendah. Keadaan sebaliknya juga boleh berlaku.

**Bay' al- 'Urbun**  
بيع العربون

Satu bentuk jual beli di mana pembeli membayar sejumlah wang pendahuluan. Sekiranya jual beli diteruskan maka wang pendahuluan ini akan menjadi sebahagian daripada harga barang. Jika tidak, maka wang ini dianggap sebagai hibah (pemberian) daripada pembeli kepada penjual.

**Bay' al-Dayn**  
بيع الدين

Kontrak jual beli ke atas hutang yang terbentuk hasil daripada aktiviti perniagaan yang selaras dengan syarak.

**Bay' Batil**  
بيع باطل

Jual beli yang tidak sah kerana salah satu rukunnya tidak dipenuhi.

**Bay' bi thaman  
al-ajil**  
بيع بثمن الأجل

Penjualan barang berdasarkan pembayaran tertangguh pada harga tertentu.

**Bay' bima  
yanqati'  
bihi al-si'r**  
بيع بما ينقطع به السعر

Amalan pengambilan barang seperti daging, minyak dan lain-lain oleh pembeli pada setiap hari dalam jumlah tertentu kemudian pembayaran dilakukan mengikut harga pasaran pada akhir bulan tanpa menentukan harganya pada masa kontrak dibuat.

**Bay' al-Fuduli**  
بيع الفضولي

Jual beli yang dilakukan oleh seseorang terhadap sesuatu harta yang ia tidak mempunyai sebarang autoriti terhadap harta itu.

**Bay' al-Gharar**  
بيع الغرر

Jual beli yang mempunyai unsur-unsur penipuan atau ketidakpastian yang boleh mendedahkan seseorang kepada bahaya sekiranya pembelian diteruskan seperti menjual ikan di dalam kolam.

**Bay' al-Hali**  
بيع الحالى

Jual beli secara tunai.

**Bay' al-Istisna'**  
بيع الاستثناء

Jual beli secara tempahan.  
→ *Istisna'*.

**Bay' al-Ma'dum**  
بيع المعدوم

Menjual sesuatu barang yang tidak dimiliki oleh penjual ketika kontrak jual beli berlangsung.<sup>4</sup>

**Bay' al-Mawjud**  
بيع الموجود

Kontrak jual beli sesuatu yang sudah ada ketika akad dilakukan.

**Bay' al-Mu'atah**  
بيع المعاطة

Jual beli melalui perbuatan secara lazimnya tanpa melibatkan lafaz *ijab* dan *qabul* dalam urusan pembelian kecil-kecilan atau runcit.  
→ 'Aqd al-Ta'ati.

**Bay' al-Murabahah**  
بيع المرابحة

Penjualan barang pada harga kos ditambah margin keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Harga belian dan jualan, kos-kos serta margin keuntungan hendaklah dinyatakan dengan jelas semasa perjanjian.

**Bay' al-Muzayadah**  
بيع المزايدة

Jual beli secara lelong iaitu jual beli di mana penjual menawarkan aset jualan diikuti permintaan para pembeli yang menawarkan harga berdasarkan kesanggupan masing-masing. Kemudian aset tersebut dijual kepada pembeli yang menawarkan harga tertinggi.

**Bay' al-Sahih**  
بيع الصحيح

Akad sahih.

**Bay' al-Salam**  
بيع السلام

Kontrak jual beli barang pesanan yang disepakati butiran terperinci pada awal akad dan pembayaran penuh dibuat secara tunai manakala penyerahan barang ditangguhkan pada suatu masa yang ditetapkan.

Jual beli salam hanya bagi barang- barang yang dapat disifatkan secara tepat dari segi bentuk, bilangan, jenis, kualiti dan bukan daripada barang-barang *ribawi*. (untuk tukaran dengan barang *ribawi* dalam kategori yang sama asas pengharamannya (*illah*)).

**Bay' al-Sarf**  
بيع الصرف

Jual beli mata wang dengan mata wang lain termasuk emas dan perak.<sup>5</sup>

**Bon**

Instrumen hutang yang diterbitkan oleh pihak kerajaan atau swasta bagi tujuan mendapatkan modal dengan cara berhutang dan mempunyai tempoh matang tertentu. Di akhir tempoh matang, pihak yang menerbitkan bon akan membayar jumlah asal yang dipinjam beserta dengan faedah (kupon).

**Bursa**  
بورصة

Tempat untuk menjual beli sekuriti, saham, sukuk dan lain-lain yang dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

**Bursa al-Awraq  
al-Maliyyah**  
بورصة الأوراق المالية

Tempat dilakukan transaksi  
*financial papers.*

**Bay' al-Istighlal**  
بيع الإستغلال

Jual harta dengan syarat penjual mengambil harta yang dijual itu atas dasar sewa.

**Bay' al-Istijrar**  
بيع الاستجرار

Amalan pengambilan barang secara berperingkat dengan harga yang ditetapkan pada masa kontrak dibuat dan pembayaran dilakukan kemudian.

**Bay' al-Isytirak**  
بيع الإشتراك

Jual beli secara perkongsian.

**Bay' al-Ja'iz**  
بيع الجائز

Jual beli yang diharuskan syarak.

**Bay' al-Jizaf**  
بيع الجزاف

Akad jual beli barang secara borong yang melibatkan barang yang sukar untuk dihitung, ditimbang atau tidak diketahui kuantiti secara tepat produk tersebut.

**Bay' al-Taqosit**  
بيع التقسيط

Jual beli secara ansuran.

**Bay' al-Tasriyyah**  
بيع التصرية

Jual beli yang berunsurkan penipuan atau helah.

**Bay'al-Mazad**  
بيع المزاد

→ *Bay' Muzayadah*.

**Bay'  
al-Muqayyadah**  
بيع المقيدة

Jual beli tukar barang.

**Bay' al-Fasid**  
بيع الفاسد

→ *'Aqd Fasid*.

**C****Cagaran**

Menyerahkan sesuatu barang untuk dijadikan gadaian apabila membuat pinjaman atau berhutang daripada pemutang.

**Caj**

Bayaran yang perlu untuk sesuatu perkhidmatan atau barang yang dibeli.

**Cek**  
**شيك**

Arahan bertulis daripada satu pihak (pembayar atau pengeluar cek) kepada pihak lain (bank atau institusi pembayar) yang mengkehendaki bank pembayar membayar sejumlah tertentu apabila dituntut, kepada pembayar sendiri atau kepada pihak ketiga seperti yang ditentukan oleh pembayar atau pengeluar cek.

**Cek Berpalang**

Cek yang mempunyai dua garis selari (biasanya di sudut kiri sebelah atas muka cek) dan hanya boleh dimasukkan ke dalam akaun pihak yang dituliskan namanya pada cek yang berkenaan.

**Cek Dalaman**

Cek milik bank pembayar daripada cawangan yang sama.

**Cek Kembara**

Cek yang dibeli daripada bank dan boleh ditukar di luar negara untuk mendapat mata wang asing.

**Cek Kosong**

Cek yang amaun atau penerimanya tidak dituliskan tetapi telah ditandatangani oleh pembayarnya.

**Cek Lewat Tarikh**

Cek yang ditulis dengan tarikh hadapan.

**Cek Luar Kawasan**

Cek yang dikeluarkan oleh bank yang terletak di luar zon penjelasan tempatan.

**Cek Luput**

Cek yang sudah lepas tarikh lakunya atau cek yang telah dikeluarkan lebih daripada 6 bulan.

**Cek Tempatan**

Cek yang dikeluarkan dan didepositkan di bank yang terletak di dalam zon penjelasan tempatan.

**Cek Tendang /  
Cek Lambung**

Cek yang tidak dapat dijelaskan kerana pihak yang mengeluarkannya tidak mempunyai wang yang cukup dalam akaun berkenaan.

**Cek Tunai / Cek  
Terbuka**

Cek yang boleh ditukarkan kepada wang tunai oleh sesiapa sahaja yang mengemukakannya kepada bank.

**Ceti**

Orang yang meminjamkan wang dan mengenakan kadar bunga yang tinggi.

D

<b>Dalil</b> دلیل	Bukti, hujah, tanda.
<b>Darar</b> ضرر	Kemudaranan.
<b>Dayn</b> دین	Hutang. Segala jenis tanggungan yang ditanggung oleh seseorang berupa harta yang wajib dibayar. Menurut perundangan Islam, ia mencakupi ruang lingkup yang luas iaitu bayaran kepada harga barang, bayaran kepada <i>qard</i> (hutang), bayaran <i>mahr</i> (mas kahwin) selepas isteri disetubuh atau sebelumnya; yakni <i>mahr</i> yang belum dibayar selepas akad nikah, bayaran sewa, ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah ( <i>arsy</i> ), ganti rugi atas kerosakan yang dilakukan, jumlah wang yang mesti dibayar kerana tebus talak ( <i>khuluk</i> ) dan bayaran pesanan yang belum sampai ( <i>muslam fih</i> ).

**Da' wa ta'ajjal**  
ضع وتعجل

Tindakan pembiutang menggugurkan sebahagian daripada hutangnya apabila penghutang melunaskan baki hutang tersebut lebih awal.

**Daman**  
ضمان

Ganti rugi. Kontrak berbentuk jaminan di mana penjamin akan menyatakan sebarang ganti rugi atau kewajipan yang harus dipenuhi oleh pemilik aset tersebut. Konsep ini sesuai dalam situasi di mana jaminan disediakan dalam transaksi yang melibatkan hutang sekiranya penghutang gagal untuk menyelesaikan hutang tersebut.

**Dhawi al- Arham**  
ذوي الأرحام

Waris yang mempunyai hubungan darah dengan si mati selain daripada waris *ashab al-furud* dan '*asabah* sama ada lelaki atau perempuan, seorang atau ramai.

**Dinar**  
دينار

Kepingan atau mata wang emas.

**Dirham**  
درهم

Kepingan atau mata wang perak.

**Darar al-Fahisy**  
ضرر الفاحش

Kemudaran melampaui batas atau kemudaran keji. Kerosakan yang berlaku pada produk atau bangunan pada tahap kritikal sehingga menyebabkan produk atau bangunan itu tidak boleh digunakan langsung. Contohnya (barang seperti komputer yang pecah atau dinding yang roboh).

**Daribah**  
ضريبة

Cukai. Nilai wang atau harta yang dipungut berdasarkan taksiran yang dikenakan oleh pemerintah untuk perbelanjaan negara. Contohnya cukai jalan, cukai pendapatan individu dan cukai korporat.

**Darurah**  
ضرورة

Perihal terpaksa atau terdesak melibatkan keadaan yang genting. Contohnya ketiadaan pembiayaan secara Islam bagi sesuatu perusahaan yang diharuskan menyebabkan perlunya pembiayaan secara konvensional.

**al-Daruriyyat  
al-Khams**  
**الضروريات الخمس**

Lima keperluan asasi. Merupakan sesuatu keperluan yang wajib dan perlu wujud untuk memastikan kemaslahatan agama dan kelangsungan hidup yang sempurna. Lima perkara yang wajib dipelihara di sisi syarak iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

F

**Faedah**

Bunga atau riba. Ia adalah tambahan yang dikenakan dalam transaksi pinjaman.

**Fakir**  
فَقِيرٌ

Orang yang tidak memiliki harta dan pendapatan. Fakir adalah salah satu daripada asnaf yang layak untuk menerima zakat.

**Faraid**  
فرائض

Ilmu pengetahuan atau hukum tentang pembahagian harta pusaka mengikut hukum syarak yang menetapkan bahagian-bahagian tertentu kepada waris-waris.

**Fardu**  
فرض

1. Kewajipan; seperti kewajipan menunaikan solat, puasa, zakat dan seumpamanya . 2. Hak yang ditetapkan dalam ilmu faraid; seperti  $1/2$ ,  $1/4$ ,  $1/8$ ,  $1/3$ ,  $2/3$  dan  $1/6$ .

**Fasid**  
فاسد

Rosak, tidak sah atau batal.

**Fasiq**  
فاسق

Orang yang berterusan melakukan dosa.

**Fiqh**  
فقه

Ilmu yang berkaitan dengan hukum amali syarak berdasarkan dalil-dalil secara terperinci. Perbahasananya merangkumi, ibadat, *munakahat*, *muamalat*, *jinayat*, jihad dan kehakiman.

**Fiqh al-Mu‘amalat**  
فقه المعاملات

Satu disiplin ilmu yang membahaskan hukum berkenaan urusan hidup manusia yang berkait dengan kegiatan harian dalam semua bidang, atau kegiatan akad, *iltizam*, dan *tasarruf*, yang membawa kesan pertukaran hak milik barang atau wang untuk mendapat manfaat bersama berdasarkan kerelaan dan kepuasan.

**Fulus**  
فلوس

Duit syiling.

**Fuqaha’**  
فقهاء

Pakar-pakar dalam bidang *fiqh*.

G

**Ghabn**  
غبن

Penipuan. Perbezaan di antara harga jualan/belian dengan harga sebenar di pasaran.

**Ghabn al-Fahisy**  
غبن الفاحش

Penipuan yang melampau.

**Ghabn al-Yasir**  
غبن اليسير

Penipuan yang tidak melampau.

**Ghalat**  
خط

Kesilapan dalam membuat tanggapan terhadap sesuatu perkara. Mengikut teori akad dalam perundangan Islam, *ghalat* merupakan salah satu unsur negatif yang boleh mengganggu kesahihan sesuatu akad dan boleh menyebabkan sesuatu akad dianggap tidak sah.

**Gharar**  
غرر

Ketidakpastian dalam sesuatu ‘aqd atau kontrak.

**Gharim**  
غارم

Orang yang berhutang.

**Ghasb**  
غصب

Mengambil sesuatu secara kekerasan.

**Ghisy**  
غش

Penipuan atau kecurangan.  
Perbuatan yang disengajakan untuk menimbulkan kerugian dan penganiayaan pada pihak lain, contohnya perbuatan seseorang yang memalsukan, menyembunyikan atau menghilangkan bukti yang penting.

**Ghulul**  
غلول

Khianat. Perbuatan jahat yang bertujuan menganiaya atau mendatangkan kecelakaan kepada orang lain.

H

**Hadiah**

Pemberian sukarela yang bermotifkan kebaikan atau mengeratkan silaturrahim.

**Hajb**

حجب

Tegahan atau halangan seseorang waris tertentu yang telah mencukupi sebab-sebab dan syarat-syarat pewarisan daripada mendapat harta pusaka sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, kerana ada waris lain yang lebih berhak terhadap harta pusaka itu.

**Hajb al-Hirman**

حجب الحرمان

Halangan seseorang waris daripada mendapat harta pusaka secara mutlak.

*Hajb al-Hirman* terbahagi kepada dua bahagian: i) *hajb al-Hirman al-Mu'aqqat* seperti datuk dihalang oleh bapa daripada mendapat harta pusaka cucunya. ii) *hajb al-Hirman al-Mu'abbad* seperti pembunuh tidak akan mewarisi harta orang yang dibunuhnya.

## **Hajb al-Nuqsan** حجب النقصان

Halangan yang boleh mengurangkan bahagian waris daripada mendapat bahagian (saham) yang lebih banyak kepada yang lebih sedikit kerana ada waris lain, seperti bahagian suami boleh berubah dari  $\frac{1}{2}$  kepada  $\frac{1}{4}$  kerana ada anak lelaki atau anak perempuan kepada si mati (isteri).

## **Hak milik sempurna**

Pemilik menguasai penuh fizikal dan manfaat barang yang dimilikinya dan dia bebas menggunakan dan mengurusnya tanpa ada sebarang halangan daripada pihak lain seperti menjual dan menyewa.

## **Hak Milik Tidak Sempurna**

Pemilik hanya menguasai fizikal atau manfaat barang itu sahaja, (pemilik yang menyewakan rumahnya maka dalam kes ini pemilik rumah dianggap pemilik tidak sempurna kerana manfaat rumah itu dimiliki oleh penyewa).

## **Haqq Mali** حق مالي

Hak berbentuk harta, misalnya *haqq dayn* (hak hutang) dan *haqq tamalluk* (hak pemilikan).

**Halal**  
حلال

Sesuatu yang dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak.

**Hamish al-jiddiyah**  
هامش الجدية

Jumlah bayaran yang dikemukakan oleh pihak pemohon atau pembeli kepada pihak penjual berdasarkan permintaan bayaran daripada pihak penjual yang memastikan kesungguhan pemohon atau pembeli dalam sesuatu urusniaga jual beli.

**Haram**  
حرام

Sesuatu yang ditegah dan dilarang oleh syarak.

**Harta**

→ *Amwal*.

**Harta alih**

Harta yang boleh dipindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti mata wang, barang-barangan dan binatang.

**Harta tak alih**

→ *Aqar*.

**Hawl**  
حول

Genap masa satu tahun hijri (untuk membayar zakat).

**Hibah**  
هبة

Pemberian sukarela semasa hidup.

**Hibah al-'Umra**  
هبة العمرة

Suatu pemberian yang bersifat sementara yang merujuk kepada hayat salah seorang sama ada pemberi hibah atau penerima hibah. Sekiranya penerima hibah meninggal dunia, harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah. Sebaliknya jika pemberi hibah meninggal dunia, harta hibah akan kembali kepada waris pemberi hibah.

**Hibah al-Ruqba**  
هبة الرقبة

Suatu pemberian bersyarat yang ditentukan oleh pemberi hibah di mana harta hibah akan menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Tetapi jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah, harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah.

**Hilah**  
حيلة

Sebarang cara/kaedah yang digunakan untuk mencapai matlamat tertentu. Terdapat hilah yang dibenarkan selain hilah yang diharamkan.

**Hiwalah**  
حوالة

Pemindahan hak atau hutang daripada tanggungan kepada tanggungan yang lain (dengan persetujuan semua pihak).<sup>6</sup>

# I

**Ibra'**  
ابراء

Rebat. Potongan daripada sejumlah bayaran yang dikenakan atau pemulangan sebahagian daripada amaun yang telah dibuat sebagai bayaran.

**Ihtikar**  
احتكار

Tindakan memonopoli barang keperluan umum.

**Ijab**  
إيجاب

Pernyataan pihak pertama dalam sesuatu akad yang menunjukkan kehendaknya untuk berkontrak; tawaran.

**Ijarah**  
إجارة

Kontrak sewa menyewa dan upah.

**Ijarah al-Mumtahiyah bi al-Tamluk**  
اجارة منتهية بالتمليك

Akad sewa yang diakhiri dengan pemilikan barang oleh penyewa. Merupakan gabungan antara kontrak sewa dan kontrak jual beli.

**Ijarah thumma al-Bay'**  
إجارة ثم البيع

Konsep ini melibatkan dua kontrak yang berasingan. Kontrak pertama ialah kontrak *ijarah* (sewaan) akan ditandatangani terlebih dahulu sebelum kontrak.

kedua iaitu kontrak *bay'* (belian) dimenterai. Sebagai contoh, dibawah kemudahan pembiayaan kereta, pelanggan akan memasuki kontrak pertama dan menyewa kereta tersebut daripada pemilik (bank) pada kadar sewaan yang telah dipersetujui untuk suatu tempoh tertentu. Pada akhir tempoh sewaan, kontrak kedua akan dikuatkuasakan bagi membolehkan pelanggan membeli kenderaan tersebut pada harga yang dipersetujui.

**Ijmak**  
اجماع

Persepakatan *mujtahid* di kalangan umat Islam terhadap sesuatu hukum pada sesuatu zaman selepas kewafatan Rasulullah SAW.

**Ijtihad**  
اجتهاد

Menggunakan keupayaan yang maksimum untuk mendapatkan hukum-hukum syarak yang amali melalui penggunaan sumber-sumber syarak yang diiktiraf oleh orang yang layak (*mujtahid*).

## **Insurans**

Merupakan suatu sistem yang berlandaskan perjanjian antara sekumpulan manusia yang sama-sama bersetuju mengikut sistem ini, memikul apa jua beban bencana yang menimpa salah seorang daripada mereka dan berkongsi menyumbangkan wang bagi mengatasi bencana ataupun membayar pampasan kerana ditimpa sesuatu bencana.

## **Iqta'** اقطاع

Apa yang diberikan oleh pemerintah dalam bentuk hartanah. Pemberian tersebut sama ada dalam bentuk hak milik atau hak menggunakan manfaat hartanah tersebut.

## **Istihsan** استحسان

Salah satu cara menetapkan hukum yang mempunyai dalil atas sesuatu perkara dengan mengambil hukum lain yang lebih kukuh dan lebih kuat daripada hukum pertama, berdasarkan dalil syarak yang membolehkan tindakan sedemikian.

**Istiqrā'**  
استقراء

Penelitian secara menyeluruh dan mendalam terhadap sesuatu perkara sebelum memberikan sesuatu kesimpulan hukum terhadap perkara tersebut.

**Istishab**  
استصحاب

Pengekalan hukum yang terdahulu selagi belum terdapat dalil lain yang boleh mengubah hukum tersebut.

**Istisna'**  
استصناع

Kontrak jual beli dalam bentuk pesanan pembuatan barang tertentu dengan spesifikasi dan syarat tertentu yang telah disepakati antara pemesan atau pembeli dan penjual, pengilang atau pemaju.

**Istithna'**  
استثناء

Pengecualian terhadap sesuatu perkara.

**Itlaf**  
إتلاف

Kerosakan, kebinasaan atau kemusnahan.

## Ittifaq Dhimni

اتفاق ضمني

Persetujuan tersirat yang wujud sebelum sesuatu kontrak dimeterai. Contohnya Penjual dan pembeli telah membuat persetujuan awal untuk menjual aset dengan harga tertentu dan membeli semula dengan harga tertentu.

I

'Illah  
علة

Sebab, alasan, asas hukum.

'Iwad  
عواض

Tukaran dalam jual beli atau sebarang kontrak lain.

**Jahalah**  
جهالة

Ketidaktahanan sifat sesuatu objek dalam sesuatu akad.

**Jahiliyyah**  
جاھلیۃ

Zaman sebelum kedatangan Islam.

**Ji'alah**  
جعلة

Kontrak ganjaran. Kontrak daripada sebelah pihak (*unilateral*) yang menjanjikan ganjaran kepada pihak yang lain di atas sesuatu perbuatan atau pencapaian. Contoh caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas pinjaman Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN).

**Jualan Langsung**

Jualan dari pintu ke pintu, melalui katalog, pos dan telefon iaitu penjual atau pengedar barang atau perkhidmatan bersemuka secara terus dengan pembeli tanpa melalui orang tengah.

(Rujuk Garis Panduan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan).

**Judi**

Segala aktiviti yang melibatkan pertaruhan, iaitu pihak yang menang akan mengambil semua pertaruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan pertaruhannya.

**Juz'i**  
جزئی

Cabang, komponen, pecahan atau bahagian.

# K

## **Kafalah**

كفالۃ

Jaminan; kontrak jaminan yang diberikan oleh penanggung/penjamin kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajipan pihak kedua atau orang yang ditanggung.

## **Kasad**

كساد

Susut nilai.

## **Khasm**

خصم

Potongan (diskaun).

## **Khiyanah**

خيانة

Pembelotan dan penipuan dalam menyatakan kadar sebenar modal yang telah digunakan di dalam membeli barang atau aktiviti-aktiviti lain yang membawa maksud seumpama dengannya.

## **Khiyar**

خيار

Hak pihak berakad sama ada ingin meneruskan akad atau membatkalkannya berdasarkan sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak.

**Khiyar al-‘Ayb**  
خيار العيب

Hak untuk membatalkan atau melangsungkan jual beli bagi kedua belah pihak yang berakad apabila terdapat suatu kecacatan pada barang dagangan. Sedangkan kecacatan itu tidak diketahui oleh pemiliknya ketika akad.

**Khiyar al-Majlis**  
خيار المجلس

Hak pilihan ketika dalam majlis, hak menentukan pilihan bagi kedua belah pihak untuk melangsungkan jual beli atau membatalkannya selama mana masih dalam majlis tersebut. Sekiranya berpisah maka hilanglah hak *Khiyar majlis* itu.

**Khiyar al-Ru’yah**  
خيار الرؤية

Hak bagi pembeli untuk menyatakan persetujuan untuk meneruskan atau membatalkan jual beli terhadap barang dagangan yang belum dilihatnya semasa kontrak.

**Khiyar al-Syart**  
خيار الشرط

Hak memilih yang ditetapkan oleh salah satu pihak yang berakad atau keduanya untuk meneruskan atau membatalkan jual beli dalam jangka masa yang ditetapkan.

**Khiyar al-Ta'yin**

خيار التعيين

Hak memilih yang diberikan kepada pembeli dalam menentukan barang yang berbeza kualiti di dalam urusniaga.

**Khilabah**

خلابة

Bentuk tipu daya dengan perbuatan atau perkataan yang dilakukan oleh salah seorang daripada pihak yang berakad dengan tujuan menarik minat pihak yang satu lagi untuk melakukan akad.

**Kontrak**

→ ‘Aqd.

**Kontrak niaga hadapan**

Penyerahan sejumlah tertentu aset pada sesuatu tarikh pada masa hadapan mengikut harga yang ditentukan semasa kontrak dibuat.

L

**Laba**

Keuntungan yang diperoleh daripada wang yang dilaburkan dalam sesuatu perniagaan hasil daripada kenaikan harga.

**Labur**

Meletakkan (memberikan, menyerahkan) sejumlah wang dalam sesuatu badan perniagaan dengan tujuan untuk memperoleh keuntungan atau mananam modal.

**Langganan**

Pelanggan; penjual yang tetap; hubungan jual beli atau urus niaga yang tetap antara seseorang penjual dengan pembeli yang selalu membeli daripadanya.

**Lelong**

Penjualan secara terbuka atau di hadapan khalayak ramai dengan harga beratas-atasan oleh pembeli-pembelinnya dalam tempoh tertentu.

**Lesen**

Sijil atau dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang memberikan kebenaran kepada seseorang atau sesuatu pihak melakukan atau menggunakan sesuatu.

**Liabiliti**

Tanggungan atau jumlah hutang yang perlu dijelaskan dengan wang, barang dan perkhidmatan.

**Luqatah**  
*لقطة*

Barang yang dijumpai atau barang tercincir yang tidak diketahui pemiliknya.

M

**Mafsadah**

مسدة

Kerosakan, kebinasaan, kehancuran.

**Maysir**

ميسر

→ Judi.

**Mal**

مال

→ Harta dan Aset.

**Manhaj**

منهج

Metodologi, pendekatan, teknik, cara dan kaedah

**Manqul**

منقول

→ Harta alih.

**Maqasid**

**Syar'iyyah**

مقاصد شرعية

Objektif yang ingin dicapai oleh syarak ketika menetapkan sesuatu hukum yang bertujuan menjaga maslahat manusia.

**Marhun**

مرهون

Barang yang digadai contohnya barang kemas yang dicagarkan bagi mendapat hutang.

**Marhun Bih**

مرهون به

Hutang; jumlah wang yang diterima oleh *al-rahin* daripada *al-murtahin* sebagai hutang yang wajib dibayar balik.

**Masrufat**

مصروفات

Pengeluaran atau pembiayaan.

**Maslahah**

مصلحة

Sesuatu yang berfaedah yang dilakukan untuk kepentingan umum iaitu memutuskan sesuatu hukum berasaskan kepentingan umum pada perkara yang tidak terdapat nas daripada al-Quran dan al-Sunnah secara jelas.

**Mawruth**

موروث

Harta benda atau hak-hak yang ditinggalkan oleh pewaris yang akan diwarisi oleh waris-warisnya.

**Mazhab**

مذهب

Pendapat atau aliran yang berkaitan dengan pemahaman ajaran agama Islam dalam bidang hukum atau *fiqh*.

**Milk al-Tam**

ملك التام

Hak milik sempurna.

<b>Milk Ghayr al-Tam / al-Naqis</b> ملک غير التام الناقص	Hak milik tidak sempurna.
<b>Mirath</b> ميراث	Kaedah-kaedah daripada <i>fiqh</i> dan ilmu hisab yang dapat mengetahui orang-orang yang berhak mendapat harta pusaka dan bahagian setiap waris berhak.
<b>Mithqal</b> مثقال	Ukuran berat bagi emas dan perak.
<b>Mizan</b> ميزان	Neraca atau timbangan untuk menentukan berat atau nilai sesuatu perkara.
<b>Mu'allaf</b> مؤلف	Orang yang baru memeluk agama Islam yang dikenali sebagai saudara muslim. Sebelum ini dikenali sebagai saudara baru atau saudara kita.
<b>Mu'amalah</b> معاملة	Segala perkara yang tergolong atau berkaitan dengan bidang kemasyarakatan.

## Mudarabah مضاربة

Akad pelaburan yang melibatkan persetujuan antara pemodal dengan pengusaha di mana keuntungan akan dibahagi antara pemodal dengan pengusaha berdasarkan nisbah yang disepakati. Sekiranya berlaku kerugian, ia ditanggung sepenuhnya oleh pemodal, manakala pengusaha akan menanggung kerugian usahanya.

## Mudarabah Muqayyadah مضاربة مقيدة

Pemodal menetapkan syarat tertentu yang harus dipatuhi oleh pengusaha di dalam menguruskan modal yang diberikannya.

## Mudharabah Mutlaqah مضاربة مطلقة

Pemodal memberi kuasa penuh kepada pengusaha untuk mengurus modal yang diberikannya tanpa sebarang sekatan mengenai tempat tujuan atau kategori usaha yang akan diusahakan.

## Mudarat

Hal-hal yang melibatkan kesusahan, kesengsaraan, kerugian, kepayahan, kesulitan dan seumpamanya

**Muflis**  
مفلس

Orang yang tidak berupaya membayar hutang atau bankrap.

**Mukallaf**  
مکلف

Orang Islam yang sudah *aqil baligh* (dewasa) yang menerima tanggungjawab penuh terhadap suruhan dan larangan agama.

**Multi Level  
Marketing (MLM)**

Satu bentuk pemasaran di mana syarikat akan melantik individu sebagai ahli atau pengedar untuk mengedar barang syarikat. Ahli atau pengedar akan melantik individu lain (*downline*) bagi membentuk rangkaianya menjual barang tersebut. Setiap ahli atau pengedar akan mendapat komisyen, bonus atau insentif daripada jualan peribadi dan jualan ahli atau pengedar di bawah rangkaianya.

**Mumattil**  
ممطل

Orang yang enggan membayar atau sengaja menangguh-nangguhkan hutangnya yang telah matang sedangkan ia berkemampuan untuk melangsaikannya.

**Munakahah**  
مناكحة

Perkahwinan atau perbincangan hukum-hakam berkaitan perkahwinan dan rumah tangga.

**Muqasah**  
مقاصة

Pemotongan pembayaran jumlah hutang atau lainnya

**Murabahah**  
مرابحة

→ *Bay al-Murabahah*.

**Murtahin**  
مرهون

Orang yang memberi hutang/orang yang menerima gadaian.

**Mulamasah**  
ملامسة

Transaksi pembelian barang oleh pembeli tanpa melihat atau memeriksanya. Sebaliknya pembelian hanya berlaku atau dianggap berlaku sebaik sahaja pembeli menyentuh barang jualan tanpa melihatnya.

**Musawamah**  
مساومة

Jual beli yang berlaku dengan proses tawar menawar antara penjual dan pembeli tanpa penjual memaklumkan kos/harga modalnya.

**Musyarakah**  
**Mutanaqisah**  
مشاركة متناقصة

Suatu bentuk akad pensyarikatan, iaitu pihak pembiaya yang merupakan antara rakan kongsi, memberi hak kepada rakan kongsinya yang lain memiliki aset dengan sekali atau beberapa kali bayaran iaitu secara beransur-ansur berdasarkan kepada syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

**Musyarakah**  
**/ Syirkah**  
شركة/مشاركة

Akad kerjasama antara dua pihak atau lebih pemilik (modal) dalam pelbagai bentuk) untuk melaksanakan sesuatu projek yang halal dan produktif. Keuntungan atau kerugian daripada kerjasama tersebut dibahagi berdasarkan syarat-syarat tertentu. Terdapat banyak bentuk musyarakah seperti *syirkah 'inan*, *syirkah mutawadah*, *syirkah abdan* dan *syirkah wujuh*.

**Muwarrith**  
مورث

Orang yang mewariskan  
harta pusaka atau si mati.

N

**Nisab**  
نصاب

Kadar minimum untuk nilai, sukatan, timbangan atau bilangan bagi beberapa kategori harta benda yang wajib dikenakan zakat.

**O****Opsyen**

Hak untuk membeli atau menjual sejumlah aset pendasar seperti sekuriti dan sebagainya pada harga tertentu dalam tempoh tertentu, atau pada tarikh tertentu.

### Perbankan Islam

Institusi yang terlibat secara langsung dengan amalan perbankan yang berdasarkan syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah *fiqh*.

### Pasaran

Kawasan atau lingkungan tempat penjual dan pembeli berhubung (berjual beli), lingkungan perniagaan yang memberi kesempatan kepada penjualan barang-barang atau perkhidmatan, permintaan pembeli atau penawaran penjual.

### Pasaran Modal

Pasaran kewangan untuk sumber modal jangka panjang yang dipinjamkan oleh badan kewangan seperti bank.

### Pasaran Modal Islam

Pasaran kewangan untuk sumber modal jangka panjang yang dipinjamkan oleh badan kewangan Islam.

**Pasaran Saham**

Tempat berurus niaga saham.

**Prinsip Syariah**

Pelaksanaan sesuatu perkara berdasarkan hukum Islam.

Q

**Qabd**  
قبض

Penerimaan terhadap sesuatu subjek dalam ‘aqd. Ia boleh dilakukan dengan cara zahir seperti membuat pengambilan barang selepas jual beli, atau secara tidak zahir seperti pengiktirafan bahawa akibat sesuatu tindakan tertentu, menunjukkan *qabd* telah berlaku dengan sempurna. Secara amnya, *qabd* bergantung kepada ‘urf tentang cara bagaimana sesuatu penguasaan dan pemilikan telah sempurna berlaku.

**Qabul**  
قبول

Penyataan persetujuan oleh pihak kedua yang menunjukkan dia redha terhadap sesuatu kontrak. Contohnya dalam jual beli pembeli berkata “saya beli”. Selain itu, *qabul* juga boleh dilakukan dalam bentuk lain, seperti pembayaran wang, penerimaan produk, bertulis atau secara isyarat.<sup>8</sup>

**Qard**  
قرض

Pinjaman. Pinjaman biasanya berlaku ke atas subjek/harta berbentuk mithli (serupa).

**Qard al-Hasan**  
قرض الحسن

Pinjaman yang diberikan atas semangat ihsan dan peminjam hanya dikehendaki membayar amau yang dipinjam sahaja. Walau bagaimanapun, peminjam atas budi bicaranya boleh membayar balik pinjaman melebihi jumlahnya (tanpa berjanji) sebagai tanda penghargaan kepada pemberi pinjaman.

**Qiyas**  
قياس

Penetapan hukum yang dibuat dengan membandingkan keadaan sesuatu hal dengan hukum dasar yang terdapat dalam Quran dan hadith atau menyamakan hukum asal yang ada nas dengan perkara baru yang tiada nas tetapi mempunyai ‘illah yang sama. Qias merupakan asas kepada ijtihad. Ia dianggap sebagai sumber perundangan

yang banyak memberi sumbangan dalam menyelesaikan isu-isu baru yang belum dibahaskan.

**Qimah Ismiyyah**  
قيمة اسمية

Nilai wang yang tercatat pada sijil saham. Nilai ini merupakan kadar pemilikan sebenar pelabur dalam modal syarikat. Contohnya nilai tara sesaham ialah RM1. Sekiranya pelabur membeli saham pada nilai tara berjumlah RM100,000 maka nilai wang yang tercatat pada kertas sijil ialah RM100,000 mewakili 100,000 unit saham.

**Qimah Isdar**  
قيمة اصدار

Nilai wang yang lebih rendah daripada nilai saham yang tercatat pada sijil saham. Contohnya nilai wang yang tercatat pada sijil ialah RM5, tetapi syarikat menerbitkannya supaya dibeli oleh pelabur hanya dengan nilai RM4 sahaja. Saham ini dilarang oleh syarak kerana pembahagian keuntungan dibahagikan sama rata sedangkan nilai biasa.

## **Qimah Haqiqiyah** قيمة حقيقة

Nilai saham sebenar yang dimiliki daripada harta bersih syarikat setelah ditolak hutang. Apabila syarikat mendapat keuntungan dan mempunyai rizab modal, maka nilai saham yang sebenar akan naik menjadi lebih tinggi daripada nilai catatan.

## **Qimah Suqiyyah** قيمه سوقية

Nilai saham yang diurusniagakan di Bursa Saham. *Qimah Suqiyyah* berubah-ubah mengikut kejayaan operasi dalam syarikat peningkatan aset syarikat, rizab modal, permintaan dan penawaran, spekulasi, suasana politik dan ekonomi semasa.

## **Qimar** قمار

→ Judi.

**Ra's al-Mal**  
رأس المال

1. Modal dalam perkongsian (*syirkah/musyarakah/mudarabah*). 2. Harga asal dalam jual beli amanah (*murabahah, tawliyah, wadi'ah*). 3. Bayaran yang dijelaskan oleh pembeli dalam '*aqd salam*'.

**Al-Radd**  
الرد

Mengembalikan atau memberikan lebihan harta pusaka kepada waris *ashab al-furud* mengikut nisbah kadar fardu masing-masing ketika tiada waris *asabah*.

**Al-Rahn**  
الرهن

Proses menyerahkan harta sebagai cagaran untuk mendapatkan hutang; Gadai.

**Rahin**  
راهن

Penggadai Orang yang menggadaikan barang bernilai atau orang yang menyerahkan sesuatu sebagai cagaran hutang.

**Rebat**

Potongan harga, diskauan atau pemulangan sebahagian daripada amaun yang telah dibuat sebagai bayaran.  
→ *Ibra'*.

**Riba**

ربا

Lebihan, tambahan, tidak sama timbangan atau sukanan pada masa berlaku pertukaran barang ribawi dan hukumnya adalah haram. Barang *ribawi* terdiri daripada wang, iaitu emas, perak atau sebarang mata wang dan bahan makanan seperti bijirin, gandum, daging dan buah-buahan. Terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *riba fadl*, *riba nasi'ah* dan *riba jahiliah*.

**Riba al-Buyu'**

ربا البيوع

Riba yang berlaku melalui jual beli tetapi terhad kepada pertukaran yang melibatkan barang-barang *ribawi*.

**Riba al- Fadl**

ربا الفضل

→ *Riba al-buyu'*

ربا البيوع

**Riba al-Qurud**

ربا القروض

Riba yang wujud daripada aktiviti pemberian hutang atau pinjaman.

**Riba al-Nasi'ah**  
ربا النسيئة

Riba yang berlaku apabila ada lebihan terhadap bayaran balik pinjaman disebabkan oleh penangguhan tempoh masa bayaran atau bayaran tambahan kerana melebihi tempoh masa bayaran yang ditetapkan.

**S**

**Sadd al-Dhara'i**  
سد الزرائع

Pendekatan untuk menyekat perkara yang boleh membawa seseorang terjebak dalam perkara yang diharamkan. Ia dianggap sebagai langkah pencegahan awal untuk mengelakkan seseorang Islam daripada melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT.

**Saham**  
سهام

Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan. Pemegang saham adalah pemilik syarikat. Pemilikan ini dilambangkan melalui sijil saham yang dicatatkan nama pemegang saham.

**Sedekah**  
صدقة

Pemberian sesuatu kepada mana-mana pihak dengan tujuan untuk mendapatkan pahala dan keredaan Allah SWT semata-mata.

**Siyasah  
al-Syar'iyyah**  
سياسة الشرعية

Suatu bidang dalam perundangan Islam yang membicarakan hukum berhubung kait dengan dasar dan pendekatan yang

diambil untuk menyusun struktur pentadbiran Negara dan urusan rakyat, selaras roh syariat. Ia meliputi soal pemerintahan pusat dan wilayah, ekonomi, kehakiman, hubungan antarabangsa dan seumpamanya.

### **Spekulasi**

Perihal (perbuatan) membeli dan menjual sesuatu (saham dan lain-lain) dengan harapan untuk mendapat keuntungan besar tetapi menghadapi risiko.

### **Spekulator**

Orang yang membuat spekulasi (dalam pasaran saham dan sebagainya) dengan harapan dapat membuat keuntungan walaupun terpaksa menghadapi risiko.

### **Suftajah سفتجة**

Instrumen pemberian hutang dalam bentuk nota kewangan (cek) kepada seseorang untuk membolehkan pembiutang mendapat kemudahan menggunakan di tempat lain yang telah ditentukan pada satu tarikh yang akan

**Sukuk**  
صكوك

datang. Contohnya, sebuah syarikat menghantar surat kredit atau draf bank kepada wakil di luar negara untuk urusan pembayaran import eksport atau hutang.

**Syarikah/Syirkah**  
شركة

Dokumen kewangan yang nilainya disandarkan pada harta.

**Syarikah  
al-Mufawadah**  
شريك المفاوضة

Suatu bentuk perkongsian yang sama dengan rakan kongsi dari sudut modal, tindakan, hutang dan keuntungan, bermula dari awal operasi hingga ke akhir perkongsian.

**Shart Jaza`i**  
شرط جزائي

→ *Ta'widh.*

**Syarikah al-'Anan**  
شركة العنان

Kontrak perkongsian di mana semua rakan kongsi menyumbang modal dan tenaga. Perkongsian untung berdasarkan persetujuan bersama dan perkongsian kerugian berdasarkan nisbah sumbangan modal. *Musyarakah.*

T

**Ta'min**  
تأمين

→ Insurans.

**Ta'wid**  
تعويض

Jumlah bayaran yang telah dipersetujui oleh pihak yang berakad sebagai ganti rugi yang layak dituntut oleh pemutang apabila penghutang gagal atau lewat melaksanakan obligasinya untuk membayar balik hutang.

**Ta'wil**  
تأويل

Interpretasi. Usaha untuk menerangkan kehendak syarak daripada sesuatu lafaz (dalil) tanpa terikat kepada pengertian dalil tersebut. Sebaliknya maksud lain yang tersirat akan diterima pakai sekiranya disokong kuat oleh dalil lain yang menjelaskan bahawa syarak mengkehendaki maksud tersebut.

**Tabarru'**  
تبرع

Pemberian hak milik atau manfaat kepada mana-mana pihak secara percuma tanpa ada balasan dengan niat membuat kebaikan.

**Tadlis al-'Ayb**  
تدليس العيب

Aktiviti menyembunyikan kecacatan barang jualan yang sengaja dilakukan oleh penjual.

**Takaful**  
تكافل

Suatu skim yang berdasarkan prinsip *ta'awun*, jamin-menjamin atau bantuan bersama. Ia memberikan perlindungan bersama aset dan harta serta menawarkan perkongsian risiko bersama sekiranya salah seorang ahlinya mengalami kerugian.

**Takhliyah**  
تخلية

Penjual memberi keizinan kepada pembeli untuk mengambil barang jualan tanpa sebarang halangan. Contohnya, penjual menyerahkan barang jualan kepada seseorang yang diarahkan oleh pembeli untuk menerima

sebagai wakil bagi pihaknya. Contoh lain, penjual membuka kunci gudang sebagai tanda menyerahkan gandum yang dijual di dalamnya.

**Taklif**  
تكلیف

Kewajipan (tanggungan, hukum dan sebagainya) syariat yang dikenakan pada seseorang.

**Talfiq**  
تلفیق

Mengemukakan sesuatu pendekatan yang tidak pernah diperkatakan oleh mujtahid silam. Manhaj ini mengabungkan dua pandangan mazhab atau lebih dan menghasilkan pendapat lain yang tidak pernah diperkatakan oleh mujtahid terdahulu.

**Tamwil al-Dayn**  
تمويل الدين

Pembentukan hutang.

**Tanajusy**  
تناجش

Persepakatan negatif, (konspirasi) secara senyap antara penjual dan pembeli supaya menunjukkan keinginan membeli dengan membayar harga lebih tinggi.

Ini dilakukan supaya orang lain terpedaya dan berebut-rebut membeli barang jualan yang sama dengan harga yang tinggi dan natijahnya penjual mendapat keuntungan yang besar.

**Tanazul**  
تازل

Pengguguran tuntutan hak.

**Taqabud**  
تفاوض

Serah-menyerah pertukaran daripada kedua-dua belah pihak iaitu penjual dan pembeli. → *Qabul*

**Taqlid**  
تقليد

Mengikut pandangan seseorang atau mazhab tertentu tanpa mengetahui dalilnya.

**Tarikah**  
ترکة

Harta pusaka. Sesuatu yang ditinggalkan si mati termasuklah harta benda, hak-hak kebendaan dan hak-hak yang mempunyai unsur kebendaan ke atas hak-hak persendirian.

**Taswiq**  
تسويق

Pemasaran.

**Tawarruq**  
توريق

Jual beli yang melibatkan pembelian sesuatu barang secara tertangguh dan kemudian

barangan tersebut dijual secara tunai kepada pihak ketiga (bukan penjual asal) yang mana harga jualan tersebut lebih rendah daripada harga belian bagi tujuan mendapatkan tunai.

**Thabit**  
ثابت  
Sudah tetap, nyata, pasti, sah, terang, jelas.

**Thaman**  
ثمن  
Harga.

**Thaman al-Mithl**  
ثمن المثل  
Harga pasaran.

**Transaksi**  
Penyelesaian pembayaran dalam perniagaan (perdagangan).  
Persetujuan jual beli, urusan jual beli (perdagangan), urusniaga.

**U****Ujrah**  
أجرة

Bayaran sewa atau upah terhadap penggunaan manfaat dan tenaga. Dalam konteks ekonomi semasa, ia boleh digunakan sebagai gaji, upah, komisen dan seumpamanya.

**'Umum al-Balwa**  
عموم البلوى

Kerumitan meluas yang berlaku dalam masyarakat yang sukar untuk dielakkan.

**'Uqud  
al-Mu'awadah**  
عقود المعاوضة

Sebarang ikatan pertukaran pemilikan yang mewujudkan tanggungjawab dan hak kepada pihak yang berkontrak.

**'Uqud al-Hifz**  
عقود الحفظ

Kontrak-kontrak simpanan atau penjagaan.

**'Uqud al-Tabarruat**  
عقود التبرعات

Kontrak-kontrak kebajikan.

**'Uqud al-Isytirak**  
عقود الإشتراك

Kontrak-kontrak perkongsian.

**‘Uqud al-Isqatat**  
عقود الاسقاطات

Kontrak-kontrak melepaskan hak.

**‘Urf Khas Min Asalib al-Iqtisadiyyah**  
عرف خاص من اساليب الإقتصادية

Sesuatu perkara yang diterima pakai secara meluas khususnya dalam kegiatan ekonomi.

**‘Urbun**  
عربون

Deposit atau wang cengkeram yang menjadi sebahagian daripada harga barang atau perkhidmatan yang dibayar dahulu oleh pembeli atau penyewa sebagai tanda komitmen.  
→ *Bay’ al-Urbun*.

**‘Urf**  
عرف

Kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar sesuatu masyarakat sama ada dalam bentuk percakapan atau perbuatan. Ia merupakan ‘*adat jama’iyah* (amalan kebiasaan yang diterima pakai secara kolektif) dan boleh diterima pakai sebagai asas hukum selama ia tidak bercanggah dengan syarak.

**‘Arud al-Tijarah**  
عروض التجارة

Barang dagangan.

# W

## **Wadi'ah** وديعة

Harta yang diberikan oleh satu pihak pada pihak lain untuk dijaga dan dipulangkan apabila diminta. Sekiranya harta tersebut hilang atau rosak tanpa kesilapan dan kecuaian, maka penjaga tidak bertanggungjawab untuk membayar gantirugi. Contohnya, barang yang disimpan di kaunter simpanan barang di pasar raya tanpa dikenakan caj.

## **Wadi'ah Yad al-Amanah** وديعة يد الأمانة

Simpanan yang diberikan kepada mana-mana pihak dan penjaga tersebut hanya menjaga sahaja tidak dibenarkan menggunakanannya.

## **Wadi'ah Yad al-Damanah** وديعة يد الضمانة

Simpanan dengan jaminan di mana pihak yang memegang amanah boleh menggunakan wang tersebut dengan jaminan bahawa penyimpan akan mendapat kembali wang yang disimpannya. Penyimpan tidak berhak kepada sebarang perkongsian

keuntungan tetapi pemegang amanah boleh memberikan pulangan kepada penyimpan sebagai penghargaan.

**Wakaf**  
**وقف**

Sesuatu pemberian atau sumbangan ikhlas harta yang dimiliki untuk kepentingan dan kesejahteraan umum yang dibenarkan oleh syarak.

**Al- Wakalah**  
**عقد الوکالة**

Kontrak di mana pihak yang berautoriti mewakilkan pihak lain untuk bertindak bagi pihaknya selama mana ia masih hidup.

**Wakalah**  
**وكالة**

Memberi mandat kepada satu pihak yang lain dalam perkara yang boleh diwakilkan untuk melaksanakan dan menjalankan transaksi bagi pihaknya.

**Wali**  
**ولي**

Orang yang diberi kuasa untuk menguruskan anak yatim dan hartanya sehingga ia dewasa.

**Waran**

Surat kebenaran yang membolehkan sesuatu pembayaran atau penerimaan wang dibuat.

**Waran panggilan**

Suatu hak tetapi bukan kewajipan untuk membeli dengan kuantiti tetap sesuatu aset ( seperti saham ) dengan harga tertentu dalam tempoh masa terhad.

**Warith**  
وارث

Orang yang akan mewarisi harta pusaka si mati.

**Wasi**  
وصي

Orang yang dilantik untuk menunaikan wasiat.

**Wasiat**  
وصية

Pemberian harta, hak atau manfaat oleh seseorang kepada seseorang yang lain semasa hayatnya tanpa apa-apa balasan dan berkuatkuasa selepas kematiannya. Harta yang hendak diwasiatkan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada keseluruhan harta si mati.

**Wisayah**  
وصاية

Pemberian amanah kepada seseorang (*wasi*) untuk melakukan atau melaksanakan pengurusan harta amanah seperti wasiat dan *hibah*.

## Nota Kaki

- 1 Merujuk kepada Mazhab Hanafi
- 2 Dimaksudkan dengan tidak boleh dipindah adalah jika dipindahkan ia boleh membawa kepada kerosakan dan kemusnahan, tetapi sekiranya bangunan itu terpisah daripada tanah dan dapat dipindahkan tanpa berlaku kerosakan dan kemusnahan maka ia termasuk dalam harta alih.
- 3 Kontrak yang melibatkan tiga pihak sebagai contoh A menjual barang kepada B dengan harga tangguh RM100, kemudian B menjual barang tersebut kepada C dengan harga tunai RM80.
- 4 Seperti isu waran dan kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah dan lain-lain.
- 5 Jual beli ini sah dengan tiga syarat iaitu a. Sama kategori b. Transaksi dilakukan secara tunai/serentak c. Sama nilai
- 6 Contohnya A ber hutang daripada B sebanyak RM1000 dan A meminta B supaya menuntut hutangnya daripada C, B dan C menerima saranan A. Contoh lain transaksi seperti *money order* dan *bill of exchange*.
- 7 Elemen redha dalam *Qabul*.
- 8 Walau bagaimanapun Mazhab Shafie mensyaratkan *qabul* dilafazkan secara lisan.